

SELASA • 19.09.2017

berita@utusan.com.my

# DALAM NEGERI

**BEKAS  
KAKITANGAN  
JPN DIDUDUH  
PALSUKAN  
DOKUMEN**

»7



## 2,100 unit Rumah Transit Belia

Oleh SYUKRI SHAARI  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 18 SEPT.

**K**ERAJAAN mengotakan janji dibuat pada Bajet 2017 lalu apabila mengumumkan pembinaan 2,010 unit Perumahan Transit Belia di mukim Kepong dan Batu yang berkonsepkan rumah sewa studio.

Projek yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2020 itu adalah tambahan kepada lebih 1,000 unit Perumahan Transit Belia sedia ada di Bukit Jalil dan Kepong yang merupakan unit rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR).

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika mengumumkan perkara itu berkata, konsep perumahan itu bertujuan membantu mendapatkan tempat tinggal kepada belia bujang dan berkahwin dengan kadar sewa rendah sebelum mempunyai duit secukupnya untuk memiliki kediaman sendiri.

Menurut beliau, kadar sewa ditawarkan adalah 30 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran.

“Sebuah rumah studio satu bilik berkeluasan 400 kaki persegi (121.9 meter persegi), kadar sewanya ialah RM400 manakala untuk rumah studio dua bilik berkeluasan 550 kaki Persegi (167.6 Meter persegi) pula sebanyak RM550.

“Apa yang unik ialah konsep sewa sambil menabung diperkenalkan. Kalau mereka sewa RM400, RM250 akan dimasukkan dalam tabung dan apabila cukup lima tahun tempoh maksimum sewaan, tabung mereka akan mempunyai RM15,000, boleh guna sebagai deposit untuk beli kediaman baharu.”



**NAJIB TUN RAZAK** menyerahkan replika kunci kepada seorang penerima (berkerusi roda) ketika majlis Penyerahan Kunci PPR Sri Aman dan Pelancaran Perumahan Transit Belia di Kepong, semalam. Turut kelihatan Abdullah Ahmad Badawi, Noh Omar dan Tengku Adnan Tengku Mansor. - UTUSAN/HALIM KHALID

katanya.

Beliau berucap pada majlis Penyerahan Kunci PPR Sri Aman dan Pelancaran Perumahan Transit Belia di Kepong, dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar; Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku

Adnan Tengku Mansor dan Ketua Wanita UMNO, Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil.

Yang hadir sama, bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, kerajaan telah memperuntukkan RM6 bilion untuk pembinaan PPR sekatat ini dengan 83,759 unit

telah pun disiapkan manakala 25,000 lagi dalam peringkat pelaksanaan.

Katanya, program PPR merupakan inisiatif kerajaan yang menawarkan bilangan subsidi terbesar kepada rakyat dengan kos harga seunit dijual hanya RM35,000 sahaja berbanding hampir RM200,000 mengikut harga pasaran.



**NAJIB TUN RAZAK** dan Abdullah Ahmad Badawi mendengar taklimat daripada Pengerusi Kumpulan BMG, Mohd. Nasir Mohd. Rashid (kiri) mengenai Rumah Transit Belia di Kepong, semalam.